

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan pelaksanaan bersasar yang sedang dirangka oleh Kerajaan menerusi NADMA untuk negeri Sabah bagi menyelesaikan masalah kelewatan penyaluran bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, khususnya dari aspek fasiliti perlindungan sementara di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa bersedia siaga bagi menghadapi ketibaan Monsun Timur Laut (MTL). Saya sendiri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Bilangan 1 Tahun 2020 pada 28 September 2020 yang dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri serta agensi-agensi Kerajaan yang lain. Mesyuarat ini antara lain bertujuan untuk menyelaraskan persediaan serta koordinasi di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi menghadapi musim banjir.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu Kerajaan Negeri Sabah khususnya dari aspek fasiliti perlindungan sementara di negeri Sabah, yang pertamanya, Kerajaan telah meluluskan bantuan awal kewangan sebanyak RM90,000 untuk persediaan bencana banjir dengan pengagihan seperti yang berikut:

- a) RM50,000 kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah;
- b) RM20,000 kepada setiap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD); dan
- c) RM20,000 lagi akan diberikan kepada Angkatan Pertahanan Awam Sabah.

3. Peruntukan yang disalurkan ini boleh digunakan bagi tujuan berikut:

- a) Perbelanjaan operasi Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB);
- b) Pembelian item pakai habis seperti minyak kenderaan dan peralatan penyelenggaraan kenderaan (*wear and tear*);

## NO. SOALAN : 16

- c) Perolehan barang keperluan segera di Pusat Pemindahan Sementara (PPS);
- d) Penyediaan makanan untuk petugas di PKOB, PKTK dan PPS; dan
- e) Lain-lain perbelanjaan operasi bagi tujuan melicinkan proses tindak balas sewaktu kejadian bencana sama ada kepada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau kepada mangsa-mangsa bencana.

4. Kedua, pihak NADMA telah menghantar sebanyak 783 unit *cubicle tent* untuk kegunaan mangsa-mangsa bencana banjir di pusat-pusat pemindahan dan sebanyak 2,500 unit lagi akan dihantar kemudian. Ketiga, pihak NADMA akan menghantar sebanyak 2,000 unit kit makanan sebelum MTL 2020 / 2021 diramalkan bermula pada Januari 2021 di Negeri Sabah.

5. Selebihnya, JPBN Sabah dan setiap JPBD perlu menggembelngkan aset dan agensi-agensi tindak balas dengan bantuan atau sokongan badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti di peringkat tempatan selaras dengan peranan dan tanggungjawab dalam kitaran bencana seperti yang telah dinyatakan dalam arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara.

6. Pihak NADMA akan terus bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah, Angkatan Pertahanan Awam Sabah dan lain-lain agensi berkaitan melalui sesi-sesi libat urus, simulasi bencana, pembinaan kapasiti komuniti dan perbincangan untuk meningkatkan ketahanan semua pihak terhadap bencana.

Sekian, terima kasih.